

# Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH

## LAWATAN ROMBONGAN KEMENTERIAN PELAJARAN FILIPINA KE ITM

Pada 13 September 1979 jam 3.00 petang, seramai 15 orang pegawai dari Kementerian Pelajaran Filipina telah mengunjungi ITM sempena lawatan mereka ke Kuala Lumpur. Tujuan lawatan adalah untuk menyaksikan dari dekat tentang perkembangan di ITM serta melawat beberapa pusat penting.

Dua orang pegawai yang mengetuai rombongan tersebut telah mengadakan perjumpaan singkat dengan Dato' Pengarah, sementara pegawai yang lain mendengar taklimat yang disampaikan oleh Pemangku Pendaftar, Encik Bahadon Ismail dan beberapa orang pegawai kanan ITM di Bilik Mesyuarat.

Kemudian pelawat telah dibawa melawat ke Pusat Bahasa dan Pusat Komputer sambil mendengar penerangan dari Puan Habibah Salleh (Ketua Pusat Bahasa) dan Encik Ishak Ghani (Ketua Kajian Sains Hisab dan Komputer) serta beberapa orang pegawai bertugas di pusat tersebut.

Sebelum meninggalkan ITM, rombongan tersebut telah bergambar beramai-ramai di tepi Dewan Besar sebagai kenang-kenangan berkunjung ke ITM.



Puan Shamsiah dari Pusat Komputer sedang memberi penerangan kepada para pelawat.



Encik Bahadon bersama para pelawat di Bilik Mesyuarat selepas taklimat.

### Rujukan:

1. WARTA ITM (September, 1979). *Lawatan Rombongan Kementerian Pelajaran Filipina Ke ITM*. ms.3. Instituti Teknologi MARA.

BIL. 129/OGOS 2023